

Malaysia (4/12/2022 (Page 6))

Akta Suruhanjaya Tatakelakuan Polis kuat kuasa Jun 2023

PETALING JAYA: Akta Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) yang diluluskan Dewan Rakyat pada 26 Julai lalu akan dikuatkuasakan bermula Jun tahun depan.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, tarikh itu ditetapkan selepas pihaknya mengadakan perbincangan dengan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz.

Dewan Rakyat meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) 2020 yang bertujuan mempertingkatkan integriti, mengurangkan salah laku dalam kalangan anggota polis dan meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap pasukan keselamatan itu.

Mengenai proses perolehan kamera badan bagi kegunaan anggota Unit Rondaan Bermotorsikal (URB) dan Unit Kereta Per-

onda (MPV), Saifuddin berkata, bajet sebanyak RM30 juta telah diluluskan namun pihaknya masih menunggu perolehan kamera badan tersebut.

“Kita berharap tiada masalah, selain ia dapat disegerakan,” katanya dalam sidang akhbar sempena lawatan kerja pertama beliau ke Ibu pejabat Polis Bukit Aman semalam.

Ditanya keperluan menyemak undang-undang Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-

Langkah Khas) 2012 (SOSMA), beliau berkata, tindakan SOSMA ini dibuat berasaskan bukti serta risikan oleh pihak polis terhadap sesuatu atau kumpulan yang mengancam keselamatan. Bagaimanapun, bukan semua di bawah SOSMA akan dipenjarakan kerana ia boleh diadili di mahkamah,” katanya.

Dalam pada itu, Saifuddin meminta Lawyers for Liberty (LFL) tidak cepat melenting dan membuat kesimpulan terlalu

awal berhubung isu makanan dan kesihatan di Pusat Tahanan Imigresen Kimanis di Sabah.

Katanya, beliau perlu mendengar semua taklimat oleh pihak-pihak berkaitan sebelum tindakan selanjutnya.

“Saya baru hari kelima masuk ke pejabat dan berilah saya peluang untuk mendengar semua taklimat. Dia (LFL) sendiri tak pernah mohon untuk jumpa saya, macam mana dia kata saya tak terima pandangan,” katanya.